



**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR**  
**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT**  
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,  
40503, SHAH ALAM, SELANGOR  
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569  
Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008  
CERT. NO. : AR1991



## **KERATAN AKHBAR** **7 Nov2021 (Sunday)**

### **Berita Harian**

Fenomena air pasang besar kali ini paling buruk 1

### **Harian Metro**

KEAGUNGAN MAQAM RASULULLAH DALAM SELAWAT 2

SELEBRITI BANTU BELIA 3

BURU TAKHTA KUMPULAN 4

### **Sinar Harian**

Beberapa kawasan di Kuala Langat alami hakisan 5

Fenomena air pasang besar dijangka berakhir hari ini 6

### **Berita Harian Online**

Peluang Kedah elak bertemu JDT 7

### **KOSMO Online**

JDT tidak rela rekod tercalar 8

### **myMetro On-line**

TFC waspada ancaman Gergasi Merah 9

### **Sinar Harian Online**

Fenomena air pasang besar di Klang terkawal 10

Fenomena air pasang besar dijangka berakhir Ahad 11

Selangor digesa beri perhatian pada pemandu van, bas sewa 12

### **Utusan Malaysia Online**

Wow Keroncong Selangor 2021 berjaya hiburan penonton 13

### **China Press**

Underground drainage system completed upgrade; Grass field get rid of ponded water after rain. 14

SJK (C) Bukit Fraser comprehensive school land usage; application to re-gazette as Chinese Primary School land. 15

### **Guang Ming Daily**

Farewell to pooling issues; SS20/5 field upgrades completed 16

### **Tamil Malar**

Selangor Sultan and Tengku Permaisuri conveyed Deepavali wishes 17



|                        |   |   |
|------------------------|---|---|
| <b>KERATAN AKHBAR</b>  |   |   |
| <b>7 November 2021</b> |   |   |
| Akhbar                 | : | Berita Harian                                   |
| Tajuk Berita           | : | Fenomena air pasang besar kali ini paling buruk |
| Muka Surat             | : | 16  |

# Fenomena air pasang besar kali ini paling buruk

**Limpahan air liputi kawasan lebih jauh, sawah di negeri utara terjejas**

Oleh Aizat Sharif, Annuul Aiman Hameeduddin, Hamzah Osman dan Noor Hidayah Tanzezi  
 bhnews@bh.com.my

**Alor Setar:** Fenomena air pasang besar yang melanda beberapa kawasan di Kedah, khususnya di Kuala Kedah, di sini malam kelmarin, disifatkan penduduk sebagai antara yang terburuk pernah berlaku. Penduduk Kampung Sungai Dua, Kuala Kedah, Izzati Saad, 54, berkata air laut melimpah ke kawasan yang lebih jauh yang tidak pernah berlaku sebelum ini sehingga menenggelamkan kawasan pinggir pantai dan jalan utama.

"Air naik lebih tinggi semalam (kelmarin), tak pernah berlaku lagi macam ini," katanya kepada BERNAMA.

Ismail berkata, fenomena itu merisaukan penduduk kampung yang mempunyai tanaman dan tanah sawah di kawasan pinggir pantai kerana ia akan menyebabkan mereka mengalami kerugian.

Penduduk Kampung Seberang Kota yang turut terjejas, Muhammad Rizwan Abdullah, 38, berkata kejadian itu menyebabkan rumahnya ditenggelami air sepenuhnya

membawa kepada pemindahan penduduk selepas banjir surut sekitar satu hingga dua jam kemudian.

Di Perak, fenomena air pasang besar turut menjejaskan penduduk di sekitar Bagun Datuk, Teluk Intan dan Manjung, yang disifatkan kejadian terburuk setakat ini. Premis perniagaan dan rumah penduduk di sekitar Pasir Bedamar, Teluk Intan, yang terletak berhampiran Sungai Perak dinaiki air sedalam satu meter.

Penduduk, Abdul Jalil Abdul Aziz, 49, yang tinggal di Jalan Pasar kira-kira 200 meter dari Sungai Perak berkata, fenomena air pasang besar tahun ini adalah yang terburuk sejak 30 tahun lalu.

"Saya tinggal di sini sejak kecil, memang setiap tahun air pasang besar ini berlaku, tetapi tidaklah sampai masuk ke dalam rumah. Kali ini, air sedalam satu meter masuk sampai ke ruang tamu dan dapur," katanya.

Fenomena air pasang besar di Manjung juga menyebabkan 70 mangsa membatalkan 21 keluarga di Projek Perumahan Rakyat Teromiskin (PPRT) Panchor, Pantai Remis di sini, dipindahkan ke pusat pemindahan sementara (PPS) di Sekolah Kebangsaan (SK) Panchor susulan banjir kilat akibat fenomena air pasang besar, malam tadi.

Di Selangor, beberapa kawasan di negeri ini turut dinaiki air susulan fenomena air pasang besar, namun tiada mangsa yang dipindahkan ke pusat pemindahan sementara (PPS).

Di Sabak Bernam, sekurang-kurangnya 31 rumah di da-



Kawasan sekitar Terminal Penumpang South Fret, Pelabuhan Klang dinaiki air semalam. (Foto BERNAMA)



erah itu dilanda banjir pagi semalam, membatalkan Dataran Pantai Batu 29 Sungai Nibong, Dataran Pantai Bagun Nakhoda Omar (BNO), Kampung Baharu dan Kampung Nelayan.

Katanya, limpahan air ketika kejadian direkodkan pada paras antara 150 hingga 300 millimeter (mm).

Limpahan air juga dilaporkan berlaku di Tanjung Karang dan Kuala Selangor, namun terkawal dan tidak membahayakan penduduk.

Pengaruh Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) Selangor, Norazam Khamis, berkata pemantauan mendapati berlaku limpahan kecil di Bagun Pasir, Pantai Sungai Kajang dan pekan Tanjung Karang.

"Peningkatan air pasang juga dilaporkan di Pantai Remis, Pantai Jeram dan Jeti Jambatan Kuala Selangor, tetapi tidak membahayakan penduduk," katanya.



Kediaman rumah di PPRPT Panchor, Pantai Remis di Manjung yang dilanda banjir kilat susulan air pasang besar, malam tadi. (Foto Isuan pembawa)



Kenderaan terkandas selepas meredah air pasang besar di Teluk Intan, semalam. (Foto BERNAMA)



Pengarah Jabatan Pertahanan Awam Malaysia (APM) Terengganu, Leftenan Kholawi (PA) Mohd Rosman Abdullah (kiri) memeriksa fenomena air pasang besar di Pantai Seberang Takur, malam semalam.



Penduduk di Kuala Kedah memba air keluar dari dalam rumah akibat fenomena air pasang, semalam.



| <b>KERATAN AKHBAR</b>  |   |  |
|------------------------|---|--|
| <b>7 November 2021</b> |   |  |
| Akhbar                 | : | Harian Metro                             |
| Tajuk Berita           | : | KEAGUNGAN MAQAM RASULULLAH DALAM SELAWAT |
| Muka Surat             | : | 15                                       |

**LENTERA HADIS**

# KEAGUNGAN MAQAM RASULULLAH DALAM SELAWAT



K


Keagungan maqam Baginda Nabi SAW tersirat dalam perintah Allah SWT kepada umat Islam agar berselawat ke atas Nabi SAW dengan firman-Nya: "Sesungguhnya Allah dan para malaikat-Nya berselawat (memberi segala penghormatan dan kebaikan) kepada Nabi. Wahai orang-orang yang beriman, berselawatlah kamu kepadanya serta ucapkanlah salam sejahtera dengan penghormatan yang sepenuhnya." (Surah al-Ahzab: 56)

Sabda Nabi SAW:  
 "Sesungguhnya orang yang paling utama di sisiku pada hari kiamat kelak ialah orang yang paling banyak berselawat kepadaku."  
 (Riwayat at-Tirmizi dan Ibn Hibban)

Al-Hafiz Ibnu Hajar menuliskan dalam Fathul Bari daripada Imam Abu al-'Aliyah katanya: "Maksud selawat Allah ke atas Nabi-Nya ialah Dia memberikan sanjungan dan kemuliaan kepada Baginda, manakala selawat para malaikat dan lain-lain kepada Baginda pula ialah permohonan mereka kepada Allah SWT agar menambahkan lagi sanjungan dan kemuliaan tersebut kepada Baginda."

Kata Imam al-Halimi dalam kitab as-Syua'ab: "Makna berselawat kepada Nabi SAW itu ialah memuliakannya. Justeru, makna ucapan kita: "Ya Allah, berilah selawat ke atas Muhammad" adalah bermaksud, muliakanlah Muhammad SAW. Maksud memuliakan Baginda di dunia adalah dengan meninggikan sebutan namanya, menzhahirkan agamanya dan mengekalkan syariatnya. Manakala di akhirat pula dengan membanyakkan ganjaran pahalanya, menerima syafaat Baginda terhadap umatnya dan menyerlahkan kelebihanannya dengan maqam yang terpuji. Di atas pengertian ini, maka maksud firman-Nya: "Berselawatlah kamu kepadanya" ialah mohonlah kepada Tuhanmu supaya berselawat kepadanya."

Berselawat merupakan antara amalan yang dapat mendekatkan diri kita kepada Allah SWT. Ketika turunnya perintah berselawat, para sahabat telah bertanya kepada Nabi SAW: "Wahai Rasulullah, ada pun cara mengucapkan salam kepadamu telah kami ketahui, maka bagaimanakah pula cara berselawat ke atasmu?" Rasulullah SAW menjawab: "Ucaplah: Ya Allah, berilah selawat kepada Muhammad dan keluarga Muhammad sebagaimana Engkau telah berselawat kepada Ibrahim dan



MAKSUD memuliakan Baginda Nabi SAW di dunia adalah dengan meninggikan sebutan namanya, menzhahirkan agamanya dan mengekalkan syariatnya.

keluarga Ibrahim, sesungguhnya Engkau Maha Terpuji lagi Maha Mulia. Ya Allah, berkatilah kepada Muhammad dan keluarga Muhammad sebagaimana Engkau telah memberkati kepada Ibrahim dan keluarga Ibrahim, sesungguhnya Engkau Maha Terpuji lagi Maha Mulia." (Riwayat al-Bukhari dan Muslim)

Selawat Ibrahimiyah ini adalah selawat yang paling afdal menurut ijmak ulama kerana ia diperturunkan oleh Rasulullah SAW sendiri. Bagaimanapun, umumnya selawat yang disusun oleh para ulama dan solihin juga adalah harus diamalkan. Ini kerana Selawat Ibrahimiyah diajarkan oleh Nabi SAW atas pertanyaan sahabatnya serta tidak pula dinyatakan Baginda melarang agar jangan berselawat dengan lafaz-lafaz yang lain.

Ramai ulama berpendapat harus menyusun selawat kepada Nabi SAW dengan syarat ia mestilah tidak terkeluar daripada batasan syarak. Antara dalilnya adalah selawat-selawat yang diriwayatkan daripada 'Ali bin Abi Talib RA, Ibnu 'Umar RA, Ibnu 'Abbas RA dan Ibn Mas'ud RA. Begitu juga ayat al-Quran dan hadis-hadis yang menyuruh berselawat secara umum turut menguatkan hukum harusnya. Maka, jelas bahawa ia bukan suatu perkara bidaah yang sesat kerana turut dilakukan oleh para



**Barangsiapa yang berselawat kepadaku satu kali, nescaya Allah SWT akan berselawat (iaitu memberi rahmat) kepadanya sebanyak sepuluh kali"**

*Riwayat Muslim*

salafussoleh. Imam as-Syafie misalnya, terkenal dengan selawat yang disusun oleh beliau di awal kitab ar-Risalahnya.

Terdapat banyak kelebihan bagi amalan berselawat di mana ia merupakan amalan yang pasti diterima dan pahalanya dijamin oleh Allah SWT. Antaranya, Nabi SAW bersabda: "Barangsiapa yang berselawat kepadaku satu kali, nescaya Allah SWT akan berselawat (iaitu memberi rahmat) kepadanya sebanyak sepuluh kali." (Riwayat Muslim)

Sabda Nabi SAW lagi: "Sesungguhnya orang yang paling utama di sisiku pada hari kiamat kelak ialah orang yang paling banyak berselawat kepadaku." (Riwayat at-Tirmizi dan Ibn Hibban dalam Sahihnya)

Kata Ubay bin Ka'ab RA: Pernah apabila dua pertiga malam berlalu, Rasulullah SAW bangun lalu bersabda: "Wahai sekalian manusia, ingatlah

Allah. Tiupan sangkala pertama datang dan akan diiringi dengan tiupan kedua. Kematian datang dengan membawa segala macam yang ada padanya, kematian datang dengan membawa segala macam yang ada padanya." Ubay bertanya: "Wahai Rasulullah, sesungguhnya aku sering membayangkan selawat kepadamu, lalu berapa banyakkah aku boleh menjadikan selawatu untukmu?" Maka, Baginda menjawab: "Terserah padamu." Aku bertanya: "Seperempat?" Baginda menjawab: "Terserah padamu, namun jika kamu tambah maka itu adalah lebih baik bagimu." Aku bertanya: "Sepuluh?" Baginda menjawab: "Terserah padamu, namun jika kamu tambah maka itu adalah lebih baik bagimu." Aku bertanya: "Maka, dua pertiga?" Baginda menjawab: "Terserah padamu, namun jika kamu tambah maka itu adalah lebih baik bagimu." Ubay pun berkata: "Aku akan menjadikan seluruh doaku untukmu." Baginda bersabda: "Jika begitu, keperluanmu akan dicukupi dan dosamu akan diampuni." (Riwayat Ahmad dan at-Tirmizi, katanya: Hasan dan sahih)

**Penulis Ketua Unit Hadis di Institut Kajian Hadis & Akidah (Inhad), Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (Kuis)**



**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR**  
**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT**  
 TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,  
 40503, SHAH ALAM, SELANGOR  
 No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569  
 Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008  
 CERT. NO. : AR1991



| <b>KERATAN AKHBAR</b>  |   |                       |
|------------------------|---|-----------------------|
| <b>7 November 2021</b> |   |                       |
| Akhbar                 | : | Harian Metro          |
| Tajuk Berita           | : | SELEBRITI BANTU BELIA |
| Muka Surat             | : | 32                    |

# SELEBRITI BANTU BELIA

Promosi produk usahawan muda menerusi program Kita Jaga Kita anjuran Yayasan KRU

Oleh Najiy Jefri  
 najiy.jefri@hmetro.com.my

Program Kita Jaga Kita anjuran Yayasan KRU mendapat sokongan selebriti tanah air untuk membantu belia dari keluarga B40 dalam mempromosikan produk mereka.

Presiden Ahli Lembaga Pemegang Amanah Yayasan KRU, Datuk Norman Abdul Halim berkata, seramai 23 selebriti sudah mendaftar sebagai sukarelawan program terbabit.

"Tugas mereka adalah untuk menghebahkan program ini serta membantu mempromosikan produk usahawan terbabit di medial sosial masing-masing.

"Sebagai permulaan inisiatif ini dilakukan secara percuma. Tapi, sebaik produk yang dijual mendapat sambutan, mungkin selebriti berkenaan boleh mempertimbangkan bayaran ke atas khidmat mereka selepas itu.

"Di sini, saya amat berbesar hati dan mengalu-alukan kehadiran lebih ramai selebriti untuk menjadi sukarelawan dalam program ini bagi membantu pertumbuhan ekonomi usahawan muda yang ingin berjaya," katanya.

Antara selebriti yang terbabit termasuk Zamani, Linda Rafar, Adam, Kumpulan VIP, Mior Zulkarnain, Dian Hashim, Fai Ramli, DJ Fateh, Timur, Winnie K, Denes Kumar dan Balan Kash.

Pada masa sama, program Kita Jaga Kita yang dilancarkan pada 1 Jun lalu mempunyai misi dan visi melahirkan 100 usahawan digital daripada golongan belia menerusi program latihan e-dagang serta modul yang disediakan.

Bagaimanapun Norman berkata, jumlah itu kemungkinan bertambah bergantung kepada sokongan serta kerjasama yang mereka terima menerusi pelbagai kerjasama strategik yang bakal diumumkan kelak.



NORMAN bersama wakil Kolej SEGI dan CyberSecurity Malaysia selepas sidang media pengumuman Rakan Strategik Siri 2 Program Kita Jaga Kita di Kolej SEGI Subang Jaya



NORMAN (kiri) menyampaikan cenderamata kepada Ketua Pegawai Eksekutif CyberSecurity Malaysia Datuk Dr Amirudin Abdul Wahab.

**Tugas mereka adalah untuk menghebahkan program ini serta membantu mempromosikan produk usahawan terbabit di medial sosial masing-masing**  
**NORMAN**

"Objektif utama Yayasan KRU adalah membantu belia dari keluarga B40 untuk berjaya dalam bidang perniagaan berteraskan penggunaan platform digital dan kandungan kreatif bagi penjenamaan.

"Melalui program latihan kami dan sokongan daripada rakan strategik, diharapkan lebih ramai usahawan muda akan mendapat manfaat dan bimbingan daripada mentor.

"Bagi yang terpilih, mereka akan mempelajari pelbagai ilmu berkaitan perniagaan dalam talian seperti penstriman

langsung, suntungan video, sesi perkongsian maklumat dengan pakar serta perbagai ilmu yang berkaitan," katanya pada sidang media pengumuman Rakan Strategik Siri 2 Program Kita Jaga Kita di Kolej SEGI Subang Jaya.

Rakan Strategik untuk siri kedua ini melibatkan Kolej SEGI dan CyberSecurity Malaysia.

Pada majlis itu, Norman turut berkongsi bentuk kolaborasi yang dijalankan Yayasan KRU bersama dua rakan strategiknya itu.

"Bersama Kolej SEGI, kerjasama yang

dilaksanakan adalah dengan memperkenalkan program Masterclass Profesional Kushawananan Digital.

"Apa yang menarik, tawaran biasiswa untuk 10 pelatih bernilai RM100,000 bakal diberikan. Ia pastinya dapat menarik minat graduan institusi pengajian tinggi awam atau swasta, pekerja profesional dan usahawan muda.

"Program latihan ini bermula pada Januari tahun depan dan dijalankan secara hibrid iaitu virtual dan kelas fizikal.

"Pihak Cybersecurity Malaysia pula menyediakan program latihan kemahiran berkaitan aspek keselamatan siber meliputi kesedaran dan kepentingannya serta kusahawanan siber atau 'Cyberpreneur' kepada 30 peserta saja," katanya.

Turut menjalinkan kerjasama dengan Yayasan KRU adalah Akademi Seni Budaya dan Warisan Kebangsaan (Aswara), Infrastrutture University Kuala Lumpur (IUKL), Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (Kuis), Kolej Universiti Islam Pahang (UCYP), KRU Academy, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Universiti Malaysia (UM), Universiti Malaysia Kelantan (UMK) dan Universiti Malaysia Pahang (UMP).

Tidak ketinggalan juga, Universiti Malaysia Perlis (Unimap), Universiti Malaysia Sabah (UMS), Universiti Malaysia Terengganu (UMT), Universiti Multimedia Melaka, Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI), Universiti Pertahanan Nasional Malaysia (UPNM), Universiti Putra Malaysia (UPM), Universiti tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) dan Universiti Tunku Abdul Rahman (Utara).



| <b>KERATAN AKHBAR</b>  |   |                      |
|------------------------|---|----------------------|
| <b>7 November 2021</b> |   |                      |
| Akhbar                 | : | Harian Metro         |
| Tajuk Berita           | : | BURU TAKHTA KUMPULAN |
| Muka Surat             | : | 51                   |

Oleh Syazwan Msar  
 mohdsyazwan@hmetro.com.my

**BURU TAKHTA KUMPULAN**

*Red Giants, TFC mahu elak tugas getir di peringkat kalah mati*

**PIALA MALAYSIA**

**HARI INI**

Sri Pahang **mln** Sarawak Utd  
 (Std Darulmakmur, 9 mlm)

Selangor FC **mln** TFC  
 (Std MBPJ, 9 mlm)

KL City **mln** Penang FC  
 (Std KLFA, 9 mlm)

Perak FC **mln** Kuching City  
 (Std Perak, 9 mlm)

**W**alaupun sudah mengesahkan tiket ke suku akhir namun perlawanan membatikan Selangor FC menentang Terengganu FC (TFC) di Stadium Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ) malam ini boleh dikatakan menjadi tumpuan bagi membuktikan siapa layak sebagai juara Kumpulan B.

Jika melihat kepada situasi ketika ini skuad Penyu mempunyai kelebihan tiga mata berbanding Selangor sekali gus hanya memerlukan kemenangan untuk mengesahkan sebagai pendahulu kumpulan.

Namun, Selangor pula perlu menang untuk merapatkan jurang mata sekali gus boleh menggugat TFC sebagai pendahulu kumpulan ketika ini. Mengikuti rekod skuad Penyu dan Red Giants sudah meraih tiket ke suku akhir, namun gelaran juara kumpulan menjadi perebutan antara mereka bagi mengelak tugas getir di peringkat kalah mati. Pasukan yang mahu dielak mereka sudah pasti pasukan liat, KL City FC yang dianggap berpotensi besar untuk muncul juara Kumpulan A.

KL City nyata bukan lawan mudah bagi mereka kerana berdasarkan rekod pertemuan dalam Liga Super sebelum ini, Selangor terikat 1-1 dalam dua perlawanan dengan The City Boys, manakala TFC pula menang sekali dan tewas sekali berdepan skuad kendalian Bojan Hodak.

Dalam satu lagi aksi Kumpulan B, pertandingan Perak FC dan Kuching City FC di Stadium Perak, Ipoh boleh dianggap sebagai perlawanan memulihkan maruah atau hanya pelengkap jadual apabila kedua-duanya sudah sah tersingkir dari saingan Piala Malaysia musim ini.

Sementara itu, saingan Kumpulan A tampak lebih sengit dengan tiga pasukan termasuk KL City, Sarawak United FC dan Sri Pahang FC masih berpeluang merebut dua tiket ke suku akhir. Namun, dua slot ke suku akhir itu boleh dimuktamadkan, malam ini sekiranya KL City menundukkan Penang FC di Stadium Bolasepak Kuala Lumpur dan Sarawak United menewaskan Sri Pahang di Stadium Darul Makmur.

Sarawak United bagaimanapun berdepan tugas getir selepas skuad kendalian Dollah Salleh menunjukkan kebangkitan luar biasa apabila membelasah Penang dengan jaringan besar 4-0 dan 5-0 dalam dua perlawanan terakhir mereka.


Tugas lebih mudah dihadapi KL City apabila mereka dijangka tidak berdepan masalah untuk menewaskan Penang yang kini berdepan prestasi buruk di pentas Piala Malaysia.

**SELANGOR FC dan TFC sudah meraih tiket ke suku akhir Piala Malaysia musim ini.**



**KERATAN AKHBAR**  
**7 November 2021**

|              |   |  |
|--------------|---|--|
| Akhbar       | : | Sinar Harian                                   |
| Tajuk Berita | : | Beberapa kawasan di Kuala Langat alami hakisan |
| Muka Surat   | : | 10   |



Limpahan air di Kuala Langat turut menyebabkan beberapa kawasan mengalami hakisan pada Sabtu.

Beberapa kawasan di Kuala Langat  
alami hakisan

**KUALA LANGAT** - Beberapa kawasan di Kuala Langat dikesan mengalami hakisan kecil berikutan fenomena air pasang besar yang melanda kawasan itu pada Sabtu.

Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) Kuala Langat menerusi satu kenyataan memaklumkan, pemantauan dijalankan di beberapa kawasan sehingga jam 7.30 pagi.

Ia membabitkan kawasan Pantai Kelanang, ban Sijangkang, Jalan Harmoni, Istana Pantai Bahagia, Pesisir Pantai Tanjung Sepat dan Pantai Batu Laut.

Selain itu, katanya, JPS

turut membuat pemantauan di Pantai Morib, ban Kampung Kundang, pekan Tanjung Sepat dan Rumah Perangihan Persekutuan Morib.

Menurut kenyataan itu, terdapat limpahan air pada tebing ban Pantai Kelanang, namun ban dalam keadaan baik.

“Terdapat juga limpahan air pada ban Batu 7, Batu 8 dan Sijangkang serta kesan hakisan di beberapa tempat namun ban dalam keadaan baik dan terkawal. Di Pantai Pulau Carey, limpahan air dan kesan hakisan juga berlaku di beberapa kawasan namun kerja pembaikan sedang berjalan,” katanya.



**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR**  
**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT**  
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,  
40503, SHAH ALAM, SELANGOR  
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569  
Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008  
CERT. NO. : AR1991



## **KERATAN AKHBAR** **7 November 2021**

|              |   |  |
|--------------|---|--|
| Akhbar       | : | Sinar Harian   |
| Tajuk Berita | : | Fenomena air pasang besar dijangka berakhir hari ini |
| Muka Surat   | : | 11   |

### **Fenomena air pasang besar dijangka berakhir hari ini**

**KLANG** - Orang ramai diminta terus berhati-hati dengan sebarang perubahan cuaca walaupun fenomena air pasang besar yang bermula pada Khamis lalu dijangka berakhir hari ini.

Ketua Zon Bomba Klang, Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) Selangor, Penguasa Kanan Bomba II Hussin Ab Rahman berkata, pihaknya juga sentiasa berada dalam keadaan siap siaga.

Menurutnya, pemantauan terus dijalankan di beberapa lokasi iaitu Jeti Tok Muda, Pengkalan Sayang-Sayang di Rantau Panjang, Pengkalan Jeti Pulau Ketam, Jalan Pandamaran dan Jeti Nelayan Togoh.

“Setakat hari ini (Sabtu) keadaan di semua tempat yang dipantau ini terkawal dan selamat malah tiada laporan diterima mengenai kejadian air pasang besar menyebabkan keselamatan penduduk terjejas.

“Ada laporan kawasan rumah penduduk digenangi air di kawasan Kapar dan Rantau Panjang namun ia keadaan biasa setiap kali berlakunya fenomena air pasang besar,” katanya.

Hussin berkata demikian ketika ditemui pemberita semasa membuat tinjauan bersama pasukan JBPM Klang di Jalan Pandamaran Jaya berhadapan pintu kawalan air di sini pada Sabtu.

Menurutnya, limpahan air pasang besar yang bermula pada jam 6.30 pagi di Jalan Pandamaran Jaya berhadapan pintu kawalan air Jabatan Pengairan Saliran (JPS) pada Sabtu itu juga terkawal.

“Air (laut) melimpah ke jalan tetapi keadaan ini berlaku seperti dijadualkan oleh Jabatan Meteorologi yang meramalkan air pasang dengan ketinggian 5.6 meter.

“Keadaan air pasang besar ini bermula pada Khamis dan dijangka berakhir pada Ahad dengan ketinggian ombak diramalkan setinggi 5.5 meter seperti yang telah dijadualkan,” katanya.







**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR**  
**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT**  
 TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,  
 40503, SHAH ALAM, SELANGOR  
 No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569  
 Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008  
 CERT. NO. : AR1991



| <b>KERATAN AKHBAR</b>  |   |                               |
|------------------------|---|-------------------------------|
| <b>6 November 2021</b> |   |                               |
| Akhbar                 | : | KOSMO Online                  |
| Tajuk Berita           | : | JDT tidak rela rekod tercalar |
| Muka Surat             | : | -                             |







**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR**  
**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT**  
 TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,  
 40503, SHAH ALAM, SELANGOR  
 No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569  
 Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008  
 CERT. NO. : AR1991



| <b>KERATAN AKHBAR</b>  |   |   |
|------------------------|---|---|
| <b>6 November 2021</b> |   |   |
| Akhbar                 | : | Sinar Harian Online                         |
| Tajuk Berita           | : | Fenomena air pasang besar di Klang terkawal |
| Muka Surat             | : | -   |

The screenshot shows a news article on the Sinar Harian website. The main headline is "Fenomena air pasang besar di Klang terkawal" (Large tide phenomenon in Klang controlled). The article includes a photograph of a flooded street in Klang and a video player. The text describes the high tide event and mentions that it was controlled. Below the main article, there is a section for "Artikel Berkaitan" (Related Articles) with several links to other news items. At the bottom, there is a search bar and a footer with social media icons and contact information.



**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR**  
**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT**  
 TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,  
 40503, SHAH ALAM, SELANGOR  
 No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569  
 Email: sektakbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008  
 CERT. NO. : AR1991



| <b>KERATAN AKHBAR</b>  |   |  |
|------------------------|---|--|
| <b>6 November 2021</b> |   |  |
| Akhbar                 | : | Sinar Harian Online                              |
| Tajuk Berita           | : | Fenomena air pasang besar dijangka berakhir Ahad |
| Muka Surat             | : | -  |







**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR**  
**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT**  
 TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,  
 40503, SHAH ALAM, SELANGOR  
 No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569  
 Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008  
 CERT. NO. : AR1991



| <b>KERATAN AKHBAR</b>  |   |  |
|------------------------|---|--|
| <b>6 November 2021</b> |   |  |
| Akhbar                 | : | Utusan Malaysia Online                               |
| Tajuk Berita           | : | Wow Keroncong Selangor 2021 berjaya hiburan penonton |
| Muka Surat             | : | -  |





| <b>KERATAN AKHBAR</b>  |   |  |
|------------------------|---|--|
| <b>6 November 2021</b> |   |  |
| Akhbar                 | : | China Press  |
| Tajuk Berita           | : | Underground drainage system completed upgrade; Grass field get rid of ponded water after rain. |
| Muka Surat             | : | 7  |

**• 地點：八打靈再也白沙羅京SS20/5 •**



■ 罗伊斯（右3起）、嘉玛丽亚与市政厅官员及SS20睦邻社区委员会成员，巡视提升工程竣工后的草场。

## 地下排水系統完成提升

# 草場擺脫雨後積水

（八打靈再也5日讯）八打靈再也白沙羅京（Damansara Kim）SS20/5社区草场常年雨后积水，逢大雨更如瀑布般流向住宅区，八打靈再也市政厅拨款2万7137令吉，提升草场的地下排水系统的工程已竣工，杜绝草场再度发生水患问题。

万达镇区州议员嘉玛丽亚指出，市政厅在草场地底安装21个模块化蓄水池（Modular Tank），每组为3个，以提升地下排水系统，同时一并提升草场的梯阶扶手、步行走道、公园长椅

等周边设施。

她说，过去多年，该草场逢雨后后大量积水，造成草场土质下陷，严重情况时的积水甚至2天后才消退，雨势带著流水从草场流向附近的社区，造成轻微水患问题。

### 提升周邊設施

嘉玛丽亚今日与助理兼八打靈再也市议员罗伊斯，巡视竣工后的草场，这么指出。

嘉玛丽亚指出，其服务中心曾向选区内的居民展开民意调查，大部分居民都重视社区设施、交通规划及社区安全的重要性，

白沙罗区大部分草场已提升，服务中心因此向市政厅申请，要求提升SS20/5社区草场解决水患问题。

她说，此工程于今年5月3日动工，因受到行动管制令影响，延至上月6日才竣工，如今草场地下排水迅速，不再发生积水现象。

她指出，向市政厅申请提升社区草场的拨款不易，但其服务中心非常重视民意调查结果，确保地方政府让居民享有更好的社区设施，提供良好的居住环境。

出席者包括八打靈再也市政厅官员及SS20睦邻社区委员会（KRT）成员。

## 建設21模塊化蓄水池

罗伊斯指出，市政厅园艺组在草场地下建设21个模块化蓄水池，排水系列衔接社区沟渠，让雨后流水及时排走。

他说，模块化蓄水池是新建设施，在过去该草场并没有相关地下排水系统。

他指出，在过去每逢大雨后，草场地势略高的积水都涌向低洼地区，甚至顺著梯阶冲向附近的民宅，造成居民困扰。

他向市政厅园艺组提供过去一年，在当地拍摄的草场严重积水的照片，成功申请拨款提升该草场，杜绝雨后成灾的现象。



■ 罗伊斯（左）向嘉玛丽亚讲述以往草场大雨成灾的情况。



| <b>KERATAN AKHBAR</b>  |   |   |
|------------------------|---|---|
| <b>6 November 2021</b> |   |   |
| Akhbar                 | : | China Press   |
| Tajuk Berita           | : | SJK (C) Bukit Fraser comprehensive school land usage; application to re-gazette as Chinese Primary School land. |
| Muka Surat             | : | 10  |

# 福隆港華小綜合校地用途 申請重新憲報華小校地

報導 ● 郭貞黎

(吉隆坡5日讯)  
 雪州土地及矿物局将把福隆港华小，位於瓜冷县丽阳镇丰逸园 (Tropicana Aman)

5英亩的校地，重新宪报为华小校地用途提呈给雪州行政会议，一旦批准，该校地未来将由董事部管理。

福隆港华小董事兼新古毛州议员李继香接受《中国报》电访时说，福隆港华小位於瓜冷县丽阳镇丰逸园的新校舍已竣工，教育部已派出一位副校长负责处理新校舍管理事务。

## 將交董事部管理

她说，该地区的发展商在早期提呈时，是把当地的15英亩地段宪报为综合学校地，包括中小学。

她说，之后申请了其中5英亩校地，作为福隆港华小搬迁过来的新校地用途。

她指出，由於该土地早期是宪报为综合学校地用途，担心福隆港华小未来需要和中学共用同一校门的不便，因此之后申请先撤除综合学

校地的宪报，再把5英亩校地重新宪报为华小校地。

她说，一旦该校地重新宪报后，有关校地也将交予董事部管理。

她说，瓜冷县土地局之前已把重新宪报呈到雪州土地局，雪州土地局必须要再提呈到雪州行政会议，以待雪州行政会议的核准。

“一旦重新宪报后，可申请学校的完工证 (CCC)，之后就等待教育部发出编号批准给学校，家长就可以开始登记



■福隆港华小的具有历史价值的学校牌匾將搬到新校舍。

和报名。”

李继香说，学校是在明年开课，但目前暂不确定开课的月份，主要是考量到教育部将委派的师资问题。



■將于明年開課。  
 新校舍的興建工程已竣工，





**KERATAN AKHBAR**  
**6 November 2021**

|              |   |   |
|--------------|---|---|
| Akhbar       | : | Guang Ming Daily  |
| Tajuk Berita | : | Farewell to pooling issues; SS20/5 field upgrades completed |
| Muka Surat   | : | 4   |

## 告别积水问题 SS20/5操场提升竣工

(八打灵再也5日讯) 灵市SS20/5的操场无法有效排水，以致操场逢雨必淹，变得一片水汪汪，而且经常需2天的时间才会退水，如今操场提升工程已竣工，积水问题终于解决！

行动党万达镇区州议员嘉玛莉亚说，该操场过去一直面临雨后积水的问题，而且经常需2天的时间才会退水，在雨季的时候甚至导致操场长期处于泥泞、泥土太软的情况，影响当地居民使用。

她今天在记者会上说，由于操场积水太久才退，也导致当地部分路段出现小水灾，尽管问题并不严重，但依然影响了居民的生活。

她披露，经过其团队不断努力，终于争取到八打灵再也市政厅的拨款，进行操场提升工程，包括维修公园内的长凳与跑步道、安装扶手、建设21个地下模块化蓄水池 (Modular Tanks) 与地下排水系统等，提升各项设施及解决淹水与积水问题。

嘉玛莉亚说，有关工程自5月3日开始动工，但受到6、7月的行动管制令的影响，工程稍延2个月，直到10月6日才竣工，而整个工程共耗资2万7137令吉。

她指出，其团队近年来十分注重万达镇居民的安全居家环境，也希望尽量照顾到所有社区的公共设施，



■嘉玛莉亚 (左六起)、路易斯、八打灵再也市政厅官员及SS20区睦邻计划成员一起巡视SS20/5操场的情况，并相信操场在进行提升后不会逢雨成灾。

让他们可以享受到更好的设施，因此他们也许多社区的操场申请拨款及完成提升工程。

另外，八打灵再也市议员路易斯说，八打灵再也市政厅园艺组在操场建设21个地下模块化蓄水池，让排水系

统衔接该社区的沟渠，雨后能够及时将雨水排走。

“经过我向园艺组提供过去一年里，在当地拍摄的操场严重积水的照片，成功申请拨款提升该操场，杜绝逢雨必淹的问题。” (TSI)



PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR  
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT  
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,  
40503, SHAH ALAM, SELANGOR  
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569  
Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008  
CERT. NO. : AR1991



**KERATAN AKHBAR**  
**6 November 2021**

|              |   |   |
|--------------|---|---|
| Akhbar       | : | Tamil Malar   |
| Tajuk Berita | : | Selangor Sultan and Tengku Permaisuri conveyed Deepavali wishes |
| Muka Surat   | : | 2   |



சிலாங்கூர் சுல்தான் ஷா ரப்பூடன் இட்ரிஸ் ஷா தனது துணைவியார் தெங்கு பெர்மைசூரி நோராஷிகின் தீபாவளி திருநாளில் அனைவரும் சுபிட்சமாக, ஒற்றுமை உணர்வுடன் பிறருக்கு மரியாதையுடன் இந்நாளில் வாழ வேண்டும் என தங்களின் தீப திருநாள் வாழ்த்து செய்தியில் கூறியுள்ளார்.